

FREQUENTLY ASKED QUESTION (FAQ)

SOALAN YANG SERING DITANYA BERKAITAN PELAJAR BAHARU JORDAN SESI AKADEMIK 2021/2022

ISU UMUM

1. Bilakah semester baru pengajian di Jordan akan bermula?

Jawapan : Semester baru pengajian di Jordan dijangka akan bermula pada 14 September 2021.

2. Sekiranya nama saya berjaya dalam permohonan menyambung pengajian di Jordan, apakah tindakan seterusnya yang perlu saya lakukan?

Jawapan : Saudara/i hendaklah menguruskan dokumentasi penting yang berkaitan dan menghantarnya melalui *Google Form Study in Jordan* selewat-lewatnya pada **30 Julai 2021**. Dokumen yang diperlukan dan dimuat turun ialah **Terjemahan Keputusan SPM** dan **Sijil Lahir** yang disahkan oleh Wisma Putra, **salinan muka depan passport antarabangsa**, **Borang Pilihan Pengajian Universiti** dan **Salinan Slip Bank Draf** atas nama Ketua Pengarah Pengajian Tinggi berjumlah RM520.00

3. Bilakah tarikh terakhir pendaftaran? Adakah dibenarkan pendaftaran dan pembayaran yuran secara online atau melalui wakil pelajar di Jordan?

Jawapan : Tarikh akhir pendaftaran bagi universiti-universiti di Jordan (pelajar baru) ialah pada 21 September 2021.

ISU KEWANGAN / JANGKAAN PERBELANJAAN

1. Berapakah anggaran kos sara hidup dan sewa rumah di Jordan ?

Jawapan : Kadar tukaran wang Malaysia lebih rendah berbanding Jordan. Purata kasar pertukaran JOD 1.00 = RM 6.00. Dianggarkan kos sara hidup dan sewa rumah di Jordan seperti jadual berikut:

ANGGARAN MAKSIMA KOS SARA HIDUP DI JORDAN

PERKARA	BULANAN	
	JOD (Jordanian Dinar)	USD (US Dollar)
Penginapan (4-5 orang setiap apartment)		
1. Sewa Rumah	50.00	70.50
2. Utiliti (elektrik/air/internet)	30.00	42.30
Sara Hidup		
1. Makan Minum	100.00	141.00
2. Pengangkutan	20.00	28.20
3. Buku/ Peralatan	20.00	28.20
JUMLAH	220.00	310.20

**Kadar tukaran JOD 1.000 = USD 1.41*/ Kadar di atas berbeza antara satu mantiqah dan mantiqah yang lain.*

2. Berapakah kos pengajian bagi setiap bidang yang ditawarkan di Jordan? Jawapan : Kos pengajian, bidang dan tempoh pengajian adalah seperti berikut, tertakluk pada pindaan semasa :

**YURAN PENGAJIAN UNIVERSITI UNIVERSITI DI JORDAN
BAGI SESI 2021/2022***

BIDANG PERUBATAN

UNIVERSITI	Tahun 1 - 6 (Yuran Setahun @3 Semester)
<i>University of Jordan</i>	USD 22,500.00
<i>Jordan University of Science and Technology (JUST)</i>	USD 22,500.00

BIDANG PERGIGIAN

UNIVERSITI	Tahun 1-5 (Yuran Setahun @3 Semester)
<i>University of Jordan</i>	USD 21,000.00
<i>Jordan University of Science and Technology (JUST)</i>	USD21,000.00

BIDANG PENGAJIAN ISLAM/ BAHASA ARAB/ PENGAJIAN QIRAAT DAN AL-QURAN

UNIVERSITI	Tahun 1-4 (Yuran Setahun @3 Semester)
<i>University of Jordan</i>	USD 1,140.00
<i>Yarmouk University</i>	USD 1,200.00
<i>Mu'tah University</i>	USD1,226.00
<i>Al-AIBayt University</i>	USD1,402.00
<i>The World Islamic Science & Education University (WISE)</i>	USD 1,550.00

Anggaran yuran di atas tidak termasuk Yuran Pusat Bahasa (Markaz Lughah) yang akan dikenakan ke atas pelajar yang TIDAK melepasi Ujian Penempatan Bahasa yang dilaksanakan di universiti. Yuran Markaz Lughah setiap universiti juga berbeza beza

3. Di manakah boleh dibuat pertukaran wang Jordanian Dinar (JOD)?

Jawapan : Pertukaran boleh dibuat di kawasan penempatan pelajar di Jordan. Memandangkan RM tidak digunapakai di Jordan, pelajar dinasihatkan menukarkannya dalam matawang USD di Malaysia terlebih dahulu. Kadar pertukaran JOD 1.00 = USD 1.41

KETIBAAN DI JORDAN

1. Bilakah jangkaan ketibaan pelajar baru ke Jordan?

JAWAPAN:EM Jordan menjangkakan ketibaan pelajar baru dari Malaysia adalah bermula pada **26-29 Ogos 2021** mengambilkira persediaan yang perlu dibuat oleh para pelajar dalam tempoh 2 minggu sebelum bermula pengajian.

2. Adakah mana-mana pihak akan menguruskan ketibaan pelajar baru di Jordan?

JAWAPAN: Ya, ketibaan pelajar-pelajar baru di Jordan akan disambut oleh Jawatankuasa Sambutan Mahasiswa Baru (SMB) setiap Mantiqah yang diselaraskan melalui Education Malaysia Jordan (EMJ). Justeru pelajar perlu memaklumkan jadual penerbangan masing-masing kepada EM Jordan melalui link yang akan dikongsikan kelak.

3. Apakah disediakan sebarang program untuk pelajar baru?

JAWAPAN : Ya. Jawatankuasa SMB MPMMJ dan SMB setiap mantiqah akan menyusun program bagi pelajar baru termasuk pengurusan tempat tinggal, taklimat dan pendaftaran universiti, serta program yang berkaitan dengan akademik, kebajikan, kerohanian dan keselamatan para pelajar.

4. Apakah pelajar baru perlu memohon visa untuk memasuki Jordan? Berapakah kosnya dan di manakah ia boleh diperolehi?

JAWAPAN: Pelajar tidak perlu memohon visa di Malaysia kerana akan diberikan kemudahan **Visa on Arrival (VOA)** secara **percuma** di Lapangan Terbang Antarabangsa Queen Alia Amman, Jordan.

5. Sekiranya saya ingin mendapatkan sebarang maklumat tambahan dan detil mengenai pengajian dan kehidupan di Jordan, bagaimana saya boleh mendapatkannya?

JAWAPAN: Bagi maklumat lebih detil mengenai pengajian dan kehidupan serta barangan yang perlu dibawa pelajar boleh merujuk *Facebook* Persatuan Pelajar berdaftar dengan EM Jordan iaitu: MPMM Jordan, Study in Jordan, SMB Irbid, SMB Mafrag, SMB Amman dan SMB Mu'tah.